


INTERVENSI TINGKAHLAKU SERTA TEKNIK

NAMA : NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

NAMA : PRISCILLA ENTAYANG ANAK MARCUS (143819)

NAMA : NUR SYUHADA BINTI MUSTAFFA (141427)



DEFINISI

MASALAH PEMBELAJARAN



Samuel Kirk (1963)

Masalah pembelajaran sebagai kelewatian perkembangan dalam satu atau lebih daripada proses pertuturan, pembacaan, penulisan, pengiraan atau subjek tertentu.

Akta Masalah Pembelajaran Spesifik (1969)

Sebagai gangguan pada proses psikologi yang mempengaruhi pemahaman dan penggunaan Bahasa, samada lisan ataupun tulisan.

Laporan Warnock (Report of the Committee of Enquiry into the Education of Handicapped Children and Young People)

Istilah “ketidakupayaan belajar” & “kesukaran belajar” digunakan secara silih berganti untuk menjelaskan individu yg mempunyai tahap fungsi intelek yg terhad & sedang berkembang ataupun berkembang pada tahap yang lambat berbanding murid-murid lain



TINGKAH LAKU



Reber (1985)

Tingkah laku ditakrifkan sebagai kelakuan, aktiviti, tindakbalas dan reaksi seseorang individu.

Saintifik

Tingkah laku merupakan sesuatu organisma yang boleh diperhati dan didiagnos.

Pendidikan

Tingkah laku dikenali sebagai tindakbalas secara terang terangan.

TANDA-TANDA AWAL MASALAH PEMBELAJARAN

Lambat bercakap
berbanding murid lain

Sukar untuk membunyikan
perkataan
Cth : school disebut cool

Menghadapi masalah untuk berinteraksi
dengan rakan kerana mereka mengalami
masalah sosial dalam kehidupan

Sukar untuk mengikuti arahan. Mereka juga dilihat seolah-
olah mengalamun dan berada dalam dunia yang
berlainan



Smile





INTERVENSI

Intervensi merupakan suatu program penyediaan yang bersesuaian dan teratur dengan ketidak upayaan kanak-kanak setelah dikenalpasti seawal mungkin. Pada kebiasaannya ,program-program intervensi ini menumpukan kepada penguasaan Bahasa, peningkatan kemahiran kognitif dan sosial, serta mengajar kanak-kanak menjaga diri sendiri. Latihan senaman atau pergerakan sentiasa ditekankan untuk memperkuatkan otot-otot dan pembentukan tingkah laku.




INTERVENSI YANG DILAKUKAN


Analisis Tingkah Laku

Pembinaan Hubungan

Pengurusan Tingkah Laku


Pendekatan Belajar Melalui Bermain





1. Analisis tingkah laku

- B.F. Skinner menekankan prinsip peneguhan positif dalam memperkuuhkan sesuatu tingkah laku.
- Ianya digunakan untuk memperkuuhkan komunikasi, hubungan sosial, pencapain akademik serta pengurangan tingkah laku yg tidak diingini.
- Melalui pendekatan ini, kemahiran yang ingin digalakkan perlu diperincikan kepada beberapa langkah kecil dan disediakan dalam pelbagai situasi dengan diberikan peneguhan positif
- Prestasi diukur secara berterusan melalui pemerhatian dan pengubhsuaian intervensi jika didapati tidak memperlihatkan kemajuan yang memuaskan.
- Tujuan penggunaan analisis tingkah laku ialah untuk membolehkan kanak-kanak berkenaan berfungsi dengan orang lain dan berjaya dalam pelbagai situasi atau persekitaran.



2. Pembinaan Hubungan

- **Rujukan Emosional** : kebolehan menggunakan sistem maklum balas emosi untuk mempelajari daripada pengalaman orang lain.
- **Koordinasi Sosial** : Kebolehan memerhati dan mengawal tingkah laku seseorang untuk membolehkannya bercampur gaul dengan orang lain dan berkongsi emosi.
- **Bahasa Deklaratif** : Menggunakan bahasa dan komunikasi bukan Bahasa untuk berkongsi pengalaman dan perasaan dengan individu lain.
- **Pemikiran Fleksibel** : Kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah dan mengatur strategi yang sesuaai dengan keadaan yang berlainan.
- **Refleksi (Reflection)** : Kebolehan mengimbas kembali dan menggunakan pengalaman lampau untuk menjangka scenario masa depan.

PENGURUSAN TINGKAH LAKU



PENDEKATAN MENDISIPLIN

- Secara tradisional , disiplin di sekolah hanya memberi fokus kepada penggunaan denda dalam usaha untuk mengawal tingkah laku yang tidak sesuai.
- Kini pendekatan mendisiplin berubah menjadi pendekatan sokongan tingkah laku positif (PBS) yang bertujuan untuk menyokong secara positif pengubahsuaian tingkah laku


PENDEKATAN PENGURUSAN DIRI


- Teknik pengurusan diri yang terbaik ialah pemantauan diri (Self-monitoring).
- Pemantauan diri ini adalah kebolehan kanak-kanak menyesuaikan perilaku dalam pelbagai situasi sosial dan alam sekeliling.
- Pemantauan diri melibatkan dua proses: pemerhatian diri dan merekod tingkah laku sendiri.
- Melalui teknik ini, pelajar memberi perhatian kepada aspek tingkah laku tertentu yang perlu ditunjukkan.
- Sebagai contoh, pelajar bertanya kepada diri mereka sendiri "Adakah saya fokus?" sebagai tindak balas kepada suatu pembelajaran. Seterusnya, pelajar akan mengawal dan memastikan tingkah laku yang perlu ditunjukkan telah berlaku (Nelson & Hayes, 1981).

4. Pendekatan Belajar Melalui Bermain

■ Pendekatan Belajar Melalui Bermain ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas kerana bermain merupakan keperluan murid. Melalui aktiviti ini mereka melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan berdasarkan pengalaman dengan rasa gembira dan seronok. Selain menyeronokkan, pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan memenuhi rasa ingin tahu, penguasaan psikomotor, kemahiran berfikir serta mengendalikan emosi.

- Ciri-ciri pendekatan bermain sambil belajar yang ditekankan ialah:
 - Aktiviti yang menyeronokkan
 - Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran
 - Permainan bebas dan terancang
 - Keanjalan masa
 - Percubaan idea sendiri
 - Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian





KEPENTINGAN INTERVENSI AWAL MELIBATKAN PAKAR

- Pakar-pakar yang mengendalikan murid-murid khas ini perlu menentukan objektif dan rawatan yang sesuai untuk murid-murid dalam pelbagai bidang.
- Komitmen semua pihak amat diperlukan bagi melaksanakan perkhidmata yang dicadangkan untuk murid-murid khas
- Keputusan yang diambil untuk menentukan serta melaksanakan perkhidmatan adalah melibatkan pelbagai disiplin. Jadi, kekurangan seorang pakar akan menjelaskan perkembangan murid-murid itu.



TEKNIK YANG DILAKUKAN



Peneguhan

Dendaan

Shaping

Reverse
Psychology



RUMUSAN

Kesimpulannya, tingkah laku ini dapat diatasi melalui intervensi dan teknik yang dirancang. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui intervensi dan teknik kita dapat mengurangkan masalah tingkah laku yang tidak diingini yang didapati pada murid berkeperluan khas. Oleh itu, guru dan ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing dan bekerjasama untuk mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini pada murid berkeperluan khas melalui intervensi-intervensi yang telah dirancang.

